Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BERITA HARIAN, SABTU, 22 OGOS, 1981

DR. MOHD.NOOR

CIK HALIMAH

ENCIK HUSSEIN

CIK AZIZAH

ENCIK ROSLAN

CIK RUMAINI

Tiada yg bantah sistem kad waktu

Oleh ZAINUDDIN AYIP
Gambar-gambar oleh MOHD.YUSOF

KINI, isu yang sering diperkatakan oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan ialah mengenai Sistem Kad Waktu yang akan dikenakan kepada mereka sepenuhnya, tidak lama lagi.

Mereka berbincang sesama sendiri baik di rumah, di kantin atau sedang menunggu bas tentang keberkesanan sistem itu ke arah mendingkatkan prestasi bekerja seperti yang dikehendaki oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kakitangan yang bekerja di luar pejabat atau kerja mengikut giliran (shift) adalah antara golongan yang belum begitu faham fungsi atau cara-cara sistem itu dikenakan kepada mereka.

Bagaimanapun, seramai 175 pegawai dan kakitangan Kerajaan di Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) telahpun mendahului rakan-rakan mereka yang lain ke arah pelaksanaan sistem itu.

MAMPU sebagai tempat percubaan sistem itu memulakannya sejak Isnin lalu.

Wartawan dan jurufoto Berita Harian sempat meninjau pendapat dan pandangan beberapa kakitangan di unit itu mengenai sistem yang mengawal waktu datang dan pulang dari pejabat yang baru saja dikenakan kepada mereka.

Encik Hussein Mohd Said, 31 tahun yang bekerja sebagai Pengatur Program Komputer berpendapat, sistem yang menggantikan buku daftar kedatangan sesuai dengan prinsip khidmat cemerlang.

Jika Kerajaan memikirkan langkah itu baik dan berkesan, semua pegawai dan kakitangan Kerajaan harus mengikutnya tanpa berbelah bagi," katanya.

Menurut Encik Hussein, Kerajaan harus membuat analisa mengapa sebilangan kecil pegawai dan kakitangannya datang lambat dan cepat untuk pulang ke rumah.

Dari analisa itu, katanya, satu rumusan dapat diambil dan diatasi. "Dengan ini jentera pentadbiran Kerajaan juga akan berjalan licin dan kemas," jelasnya.

Beliau berpendapat, Sistem Kad Waktu perlu diutamakan di tempat atau jabatan yang sering membuat urusan sehariannya dengan orangramai.

Antaranya Pejabat Pos, Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan dan di hospital-hospital sebelum ini diperkenalkan di tempat-tempat lain.

Beliau juga menimbulkan soal pembelian mesin berharga kira-kira $1,000 seunit. "Mesin itu perlu diawasi supaya tidak rosak," katanya lagi.

Berdasarkan perbualannya dengan seorang pegawai sebuah syarikat swasta yang menggunakan mesin yang sama, beliau berkata, jika mesin itu tidak dikawal, ia boleh rosak dalam tempoh setahun saja.

Mengenai kad kuning diberikan kepada setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan ada tercatit amaran di bawah kad itu berbunyi: "Sebarang pekerja yang menolong stemkan kad seseorang pekerja lain akan dikenakan tindakan tata tertib ke atasnya."

Amaran itu baik. "Tapi saya cadangkan supaya nama atau tandatangan Ketua Setiausaha Negara dicatatkan di bawahnya supaya arahan itu menjadi arahan rasmi yang wajib dipatuhi."

Jika tidak, tegasnya arahan itu akan menjadi hambar seperti yang terdapat dalam setiap kotak rokok 'Amaran oleh Kerajaan Malaysia: Merokok Membahayakan Kesihatan," kata Encik Hussein lagi.

Telefon ketua

Seorang kerani, Halimah Mohd Yusoff, 27 tahun berkata, Sistem Kad Waktu tidak menimbulkan apa-apa kerumitan terhadap pegawai dan kakitangan Kerajaan yang dedikasi, tekun bekerja dan sering datang bekerja lebih awal.

"Sistem itu hanya akan menggentarkan mereka yang suka ponteng atau datang lewat datang bekerja," katanya lagi.

Menurut Cik Halimah, mereka yang tidak dapat datang bekerja lebih awal kerana sebab-sebab peribadi seperti anak sakit dan sebagainya boleh meminta izin dari ketua masing-masing.

"Kita harus menelefon Ketua Pegawai terlebih dulu dan dengan menyatakan masalah yang sedang dihadapi. Ini adalah untuk mengelakkan dari dituduh datang lewat dengan sengaja," jelasnya.

Beliau juga setuju, sistem itu akan mengelakkan perasaan perbedaan jawatan dan pangkat. Malah sistem itu akan mewujudkan perasaan samarata antara seorang pekerja dengan pekerja lain.

Bagaimanapun, Cik Halimah tidak setuju jika sistem itu hanya dikenakan di beberapa jabatan atau agensi Kerajaan tertentu. "Semua Jabatan atau Kementerian perlu mengamalkan sistem itu. Ini baru adil," katanya.

Seorang Penyelia Jurutrengkas, Puan Rumaini Ahmad, 34 tahun berpendapat, sistem yang diperkenalkan di pejabatnya tidak menyiksakan.

"Orang yang menganggap tersiksa atau suatu bebanan adalah mereka yang sering ponteng kerja," katanya berterus terang.

Katanya, MAMPU dipilih sebagai projek percubaan sebelum sistem itu dilaksanakan sepenuhnya. "Kami perlu menjayakan sistem itu untuk dijadikan contoh ke tempat-tempat lain," ujarnya.

Puan Rumaini yang tinggal di Serdang terpaksa bertolak jam 7.00 pagi dari rumahnya yang jauh kira-kira 16 batu.

Sebelum sistem ini diperkenalkan, saya juga datang lebih awal sebelum jam 8.00 pagi," jelasnya.

Beliau berpendapat, pegawai dan kakitangan di MAMPU datang bekerja sebelum jam 8.00 pagi dan pulang ke rumah kira-kira jam 4.30 petang. "Ada juga yang pulang hingga jam 6.00 petang untuk menyiapkan kerja masing-masing di hari itu," katanya jujur.

Tersenyum

Cik Azizah Mohd. Alif yang bertugas sebagai jurutaip juga menganggap sistem baru itu tidak membebankan. "Saya sering datang awal, jadi sistem itu tidak menjadi masalah kepada saya," katanya yang telah bekerja selama empat tahun di MAMPU.

Menurutnya, Sistem Kad Waktu adalah lebih baik dari Buku Daftar Kedatangan. "Sistem baru yang menggunakan mesin tidak boleh tipu masa, tapi sistem buku boleh tipu kerana kita yang menulis masa sendiri masa datang bekerja," jelasnya.

Dengan Sistem Kad Waktu juga, para pegawai atau kakitangan Kerajaan tidak boleh membuat helah mengapa sering datang lambat.

Encik Roslan Hasnan, 23 tahun yang bekerja sebagai Operator Komputer pula berpendapat dengan sistem itu hati dan perasaan seseorang pekerja senitasa tersemat 'ingin cepat datang bekerja'.

Menurutnya, mengetikkan kad ke dalam mesin bukan suatu bebanan. "Tidak sampai lima saat perkara itu beres," katanya lagi.

Dalam tempoh beberapa hari sistem itu diperkenalkan di MAMPU, pegawai dan kakitangannya sentiasa tersenyum dan menganggap perkara itu bukan membebankan.

Malah sikap datang kerja lebih awal dan berkhidmat dengan penuh dedikasi makin tersemat di hati mereka.

Ini diakui sendiri oleh Ketua Pengarah MAMPU, Dr. Mohd Noor Ghani yang turut terlibat mengetikkan kadnya ke dalam mesin.

Menurutnya, dengan sistem itu, kesedaran betapa pentingnya waktu jelas terbayang di wajah setiap pekerjanya.

Setakat ini, tiada seorang pegawai atau kakitangan yang mengeluh atau merungut mengenai sistem itu.

Kita harap sistem itu terus berjalan lancar tanpa bantahan dari sesiapa.

■ *DUA pekerja sedang memasukkan kad waktu mereka ke dalam mesin.*